

Adakah sememangnya wanita dieksploitasi dalam filem?

Oleh HENRY BATING

hbbing@gmail.com

UB 30/10/2011 B2

SEMBANG Kopi@seni berlabuh lagi dengan memasuki siri kedua semester ini di Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Jumaat. Kalangan pelajar seperti semester lalu memenuhi Theatre Ahmad Nisfu. Sembang menghadirkan Timbalan Dekan Akademik & Hal Ehwat Pelajar SPS, Dr Zairul Anuar Md Dawam selaku ahli penal utama beserta Puan Hajjah Lamiri (SPS) dan Henry Bating (PPIB) sebagai anggota. Sembang dimoderatkan oleh penggiat seni Sabah, Tuan Puad Bebit yang juga pensyarah di SPS, UMS. Sembang-sembang mengambil tema 'Seks, Wanita Dalam Seni'.

Menanggapi persoalan tersebut, Dr Zairul menyatakan bahawa terdapat dua jenis filem yang membabitkan wanita. Pertama, filem tersebut memang menjadikan wanita sebagai watak utama yang positif dan bersesuaian dengan cerita yang dipaparkan. Kedua, filem cuba mengeksploitasi wanita bagi tujuan menarik perhatian penonton.

Menurut Dr Zairul, filem yang pertama tidak mengeksploitasi wanita kerana menonjolkan sifat atau karakter positif seperti bijak, tangkas dan cekal. Sebagai contoh, filem arahan Yusof Haslam yang menggambarkan watak Maria lakonan Erra Fazira dalam Maria Mariana. Watak Ziana Zain walaupun ditonjolkan sebagai watak yang mempunyai kelemahan, namun kelemahan itu masih berada dalam lingkungan sifat-sifat semulajadi seorang wanita.

Filem kedua, tegas Dr Zairul, walau apapun pendapat pengarahnya, secara



ANGGOTA PANEL ... dari kiri Puad Bebit, Dr Zairul, Henry Bating dan Hajjah Lamiri.

terang-terang cuba mengeksploitasi wanita melalui pemaparan cerita berbau seksual seperti filem 'Panas' dan 'Jalang'.

"Malah U Wei Hj Saari lebih menonjolkan sisi gelap seorang wanita melalui perlakuan dan temanya melalui filem 'Perempuan, Isteri dan ...,' ujar Dr Zairul.

Dr Zairul juga diajukan persoalan mengapa dalam pengiklanan lebih menonjolkan wanita walaupun produk yang diiklankan tidak berkaitan dengan wanita?

"Iklan sedaya-upaya cuba menarik perhatian pengguna walaupun produknya tidak berkaitan dengan wanita. Ini disebabkan faktor bahawa berdasarkan aspek psikologi, pengiklan tahu wanita dan seks berkait rapat dengan kehendak dan keperluan manusia.

"Perkara tersebut dinyatakan Sigmund Freud yang mengkaji perlakuan kanak-kanak ketika kecil yang cenderung kepada seks. Justeru pengiklan sedar bahawa yang paling penting untuk

menarik minat awal atau menyedarkan pengguna mengenai sesuatu produk ialah dengan menarik perhatian pengguna terlebih dahulu untuk memerhati atau memberi tumpuan kepada papan iklan. Kemudian secara tidak langsung pengguna akan membaca maklumat berkaitan dengan produk yang diiklankan," kata Dr Zairul.

Mengenai persoalan sampai bilakah wanita dan seks dijadikan sebagai daya tarikan? Dr Zairul melihat bahawa perkara tersebut akan terus berlaku sampai bila-bila kerana perkara itu merupakan naluri semulajadi yang wujud dalam diri manusia.

"Cuma yang berbeza ialah darjah eksploitasi. Perkara itu bergantung kepada pengawalan dan kesedaran masyarakat itu sendiri. Sebagai contoh pengawalan melalui undang-undang walaupun tidak sepenuhnya berjaya. Begitupun, langkah-langkah yang dijalankan dapat mengurangkan eksploitasi.

"Kesedaran di kalangan wanita melalui gerakan wanita menentang menjadikan



DENGAR ... Sebahagian pelajar mendengar lontaran fikiran ahli-ahli panel mengenai tema Seks, Wanita Dalam Seni.

wanita sebagai objek seks juga akan dapat mengurangkan darjah eksploitasi tersebut. Namun diyakini masalah eksploitasi tidak akan ada sudahnya," kata Dr Zairul.

Mengenai kemungkinan berkurangnya eksploitasi wanita dalam filem, Dr Zairul memetik aliran filem-filem aksi di Malaysia yang telah menunjukkan tanda-tanda bahawa tanpa wanita sebagai heroin, filem mereka masih mendapat perhatian penonton.

"Ini jelas melalui filem aksi KL Ganster yang tidak menjadikan wanita sebagai subjek seks atau memainkan peranan utama masih berjaya mencapai kutipan box-office. Namun itu adalah bersesuaian dengan aliran genre.

"Bagi filem-filem yang masih berada dalam lingkungan konvensional, tetap ada ciri-ciri di mana ada hero di situ mesti ada heroin. Cerita seumpama itu masih lagi berlegar-legar di sekeliling watak tersebut," ujar Dr Zairul.

Sembang berakhir dua jam selepas dimulakan 9.00 pagi. Sembang diteruskan pada minggu hadapan dengan tema lain dan ahli-ahli panel yang lain pula. Selain wadah rangsangan

minda pelajar, sembang juga boleh disertai kalangan peminat seni awam. itu



DR ZAIRUL ANUAR MD DAWAM ... Timb Dekan Akademik & Hal Ehwat Pelajar.